

PROGRAM E-DUIT DESA: BANK ISLAM FOKUS JADIKAN JENIANG SEBAGAI ‘DESA TANPA TUNAI’

JENIANG, KEDAH, Isnin, [13 Februari 2023]: Susulan pelancaran kempen e-Duit oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 29 Oktober 2022 lalu, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini meluaskan jangkauan kempen tersebut dengan menganjurkan program e-Duit Desa di Jeniang, Kedah dengan memfokus kepada agenda membudayakan penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran), khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Program e-Duit Desa ini berlangsung di Pasar Pekan Sehari Jeniang untuk menggalakkan peniaga-peniaga menggunakan pakai kaedah e-pembayaran melalui DuitNow QR dan aplikasi perbankan mudah alih **GO Biz by Bank Islam** untuk urusan perniagaan harian mereka.

Melalui program ini, para peniaga terbabit turut mendapat bimbingan dan sokongan menggunakan aplikasi GO Biz by Bank Islam yang dilengkapi dengan ciri-ciri direka khas untuk memudahkan pengurusan kewangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Aplikasi ini membantu menguruskan risiko pengurusan tunai peniaga menerusi peranti mereka dengan memastikan rekod jual beli harian mereka lebih teratur.

Majlis pelancaran program e-Duit Desa hari ini telah disempurnakan oleh Dato' Marzunisham Omar, Timbalan Gabenor BNM. Turut hadir, Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, YB Dato' Haji Isahak Murat, Pegawai Kewangan Negeri, Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah dan Dato' Haji Muhamad Arof Darus, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK).

Mohd Muazzam Mohamed berkata, “Program e-Duit diperluaskan di Jeniang dengan hasrat untuk menjadikan daerah ini sebagai ‘Desa Tanpa Tunai’ melalui transformasi gaya hidup masyarakat luar bandar dengan adaptasi pembayaran tanpa tunai dalam

kalangan peniaga dan pengunjung Pasar Pekan Sehari Jeniang ini. Melalui program e-Duit Desa ini, seramai 107 peniaga di sekitar Jeniang telah menggunakan kemudahan e-pembayaran pada peringkat awal. Kami menasarkan angka-angka tersebut akan meningkat secara berperingkat apabila peniaga lebih selesa dengan manfaat yang disediakan oleh kemudahan ini."

Dalam merancakkan lagi penerimaan kemudahan DuitNow QR di Pasar Pekan Sehari Jeniang ini, Bank Islam turut mengadakan kempen khusus untuk peniaga-peniaga yang telah mendaftar aplikasi GO Biz by Bank Islam di mana mereka berpeluang untuk memenangi ganjaran menarik.

Tambah Mohd Muazzam Mohamed, "Pada Mac tahun lalu, Bank Islam telah melaksanakan usaha mempromosikan e-pembayaran di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan. Hasil maklum balas yang diberikan peniaga dan pelanggan di pasar ikonik tersebut adalah amat memberangsangkan. Sebanyak lebih 11,000 transaksi DuitNow QR yang bernilai hampir RM1.2 juta telah direkodkan setakat ini. Kami menasarkan angka transaksi ini akan meningkat kepada RM2 juta bagi tahun 2023."

Menurut Dato' Marzunisham Omar, "Kempen e-Duit seperti yang diadakan pada hari ini juga amat penting terutamanya untuk menerapkan penggunaan e-pembayaran secara selamat. Penekanan dari aspek pendidikan juga diberikan supaya duit milik pengguna terus terjaga dan selamat semasa menggunakan e-pembayaran."

"Justeru orang ramai amatlah digalakkan untuk menggunakan e-pembayaran dalam kehidupan seharian kerana ianya adalah selamat, senang dan segera (3S), sejajar dengan cogan kata kempen e-Duit pada hari ini," saran beliau.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my